

# PEMINDAHAN DARAH

Ditinjau Dari Sudut Hukum Agama Islam

Soal pemindahan darah selalu menjadi pertanyaan di antara orang-orang Islam. Dalam makalahnya yang berharga ini al-Fadhil Tuan Muhammad Hasbi Al-Siddiqi, pensyarah di Universiti Islam Jogja yang terkenal, menghuraikan masalah ini dengan sejelas-jelasnya – P.Q.

(oleh: Muhammad Hasbi Al-Siddiqi)

Masalah ini perlu diketahui hukumnya oleh masyarakat Islam, walaupun telah lama menjadi perbincangan alim ulama, namun perlu tetap dibahaskan sesuai dengan perkembangan ilmu dan ijtihad, dan berubahnya keadaan, kerana soal yang kita hendak ini, bukan soal yang “mansus ‘aliyah” (yang ada nas yang tegas dari syarak) dan bukan pula masalah yang sudah pernah diijmak atas salah satu hukum yang dapat diberikan kepadanya ; soal ini ialah soal ijtihad, atau masalah ini salah satu dari masalah-masalah ijtihadiah yang berdasarkan kepada hasil-hasil yang diperoleh dari “memahami nas” atau dari “mempergunakan kaedah-kaedah syariah” baik yang disepakati oleh imam-imam besar mempergunakannya atau pun yang dipergunakan oleh sebahagian dari antara mereka, kerana itu tiadalah menghairankan, maka kita hadapi ikhtilaf ahli-ahli hukum fikah.

Masalah ini saya tinjau dari segi fikah dan usulnya, atau dari segi hukum syariat. Meninjaunya dari segi kedoktoran dan ilmu kesihatan, adalah hak doktor-doktor yang mempunyai pengetahuan yang luas mengenai soal ini.

Apa yang saya muatkan mengenai soal ini dari segi kedoktoran, maka pegangan saya semata-mata nukilan (salinan – P.) dari pendapat doktor-doktor yang ahli, yang saya tidak mempunyai kesungguhan meneliti apa lagi mentahkikkannya.

Bagi membahas soal ini dari segi syariat, saya gunakan berbagai-bagai jenis tafsiran, baik jenis tafsir, “*bi al-ma ‘thur*” (tafsir ber riwayat) (tafsir yang berpuncakan riwayat dari Nabi atau sahabat – p) Atau tafsir “*bi al-ra ‘yi*” (tafsir yang berdasarkan fikiran dan ilmu pengetahuan – p.), atau pun tafsir yang menghimpunkan “*darayat* dan riwayat”, sebagaimana juga perlu kita mempergunakan berbagai-bagai kitab hadis dan syarah-syarahnya, serta berbagai-bagai kitab hukum fikah dari aneka mazhab dan aliran faham.

Di antara jenis-jenis tafsir *bi al-ma ‘thur* ialah :

1. *Jami ‘Al-Bayān*, oleh *Al-Imam Abu Ja ‘far Muhammad ibn Jarīr Al-Ṭabarī*, seorang imam tafsir yang mendapat gelaran “*Amīr Al-Mufasirīn*” dan salah seorang imam mazhab yang terkenal (224-310 H : 839-923 M.) Penerbitan *Muhammad Khashab, Al-Muṭaba ‘ah Al-Kubra Al-Amiriah* -Mesir 1323 H.

2. *Ma ‘ālim Al-Tanzīl*, oleh *Husayn ibn Mas ‘ud*

*al-Baghawī*, seorang ahli tafsir dan hadis yang mendapat

gelaran “*Muhyī Al-Sunnah*” (456-510 H : 1044

-1117 M.) Penerbitan Muṣṭafa Muhammad, Mesir.

3. *Tafsīr al-Qur’an*, oleh ‘Imad Al-Din Abu Al-Fida

Ismā’īl ibn ‘Umar ibn Kathīr. Seorang pujangga

tarik, hadis dan tafsir yang dipegangi perkataannya

(pendapatnya), 701-774 H : 1302 – 1373 M.

Penerbitan *Muṣṭafa Muhammad*, Mesir 1356 H.

Di antara jenis-jenis tafsir *bi al-ra’yi* ialah :

1. *Tafsīr Al-Kashāf*, oleh Mahmud ibn ‘Umar ibn

Muhammad al-Khawārizmī al-Zamakhsharī, seorang ahli

kesusasteraan Arab (467-583 H : 1075

- 1143 M) Penerbitan Muṣṭafa Muhammad, Maṭba’ah

al-Istiqāmah, Mesir 1365 H.

2. *Tafsīr Maḥāṭīḥ Al-Ghayb*, oleh ‘Abdullah Muḥammad

ibn ‘Umar al-Husayn Fakhr al-Dīn al-Rāzī. seorang ahli

tafsir yang dalam ilmunya mengenai ilmu umum dan syariat

(544 – 606 H : 1150 – 1210 M). Penerbitan

al-Maṭba’ah al-Khaīrīah, Mesir 1308 H.

Di antara jenis-jenis tafsir yang menghimpunkan kedua-dua aliran itu ialah :

1. *Tafsīr Faṭḥ Al-Qadir*, oleh al-Imam Muhammad ibn

‘Alī ibn Muhammad al-Shawkānī, seorang ulama yang

mendapat gelaran “*Mujaddid al-Yaman*” (1172 – 1250 H :

1759 – 1834 M).

2. *Tafsīr Al-Manār*, oleh Al-Syed Muhammad Rashīd Riḍā,

Mujtahid besar dalam kurun kedua puluh yang mewarisi

ilmu al-Imam Muhammad ‘Abduh pembimbing masyarakat Sunnah

sekarang (1282 -1354 H : 1865 – 1935 M.)

Penerbitan Maṭba’ah Al-Manar, Mesir.

Di antara jenis-jenis tafsir ayat *Al-Aḥkām* ialah :

1. *Aḥkām Al-Qur’an*, oleh Abu Bakar Aḥmad Ibn

‘Ali Al-Jaṣaṣ, seorang ulama yang terkenal dalam

Mazhab Hanafi (305-370 H : 917 – 980 M.)

Penerbitan *Maṭba’ah Banīh* (?), Mesir 1347 H.

2. *Aḥkām Al-Qur’an*, oleh Muhammad Ibn ‘Abdullah Ibn

Muḥammad al-Ma’afiri al-Ishbīlī, seorang ulama yang terkenal,

pensyarah “*Sunan Al-Tirmizī*” terkemuka dalam Mazhab

Maliki (468 – 543 H : 1076 – 1148 M).

Penerbitan *Maṭba’ah Al-Sa’adah*, Mesir 1331 H.

Di antara kitab-kitab hadis ialah :

1. *Al-Jami’ Al-Ṣaḥīḥ*, oleh Amīr al-Muḥadithīn, al-Imam

Ismā’īl Al-Bukhārī, yang keadaannya lebih terang dari terang

matahari di tengah-tengah siang pada waktu teriknya (194 – 251 H :

810 – 870 M.), dengan mempergunakan kitab-kitab syarahnya :

A. *Faṭḥ Al-Bārī*, oleh Amir Al-Muḥadithīn al-Ḥāfīz

Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn ‘Ali ibn Muhammad

Al-‘Asqalanī, seorang pensyarah hadis yang sukar

dicari tolok bandingnya (773 – 852 H : 1371

- 1448 M.) Penerbitan ‘Abd al-Raḥman Muḥammad, Mesir

1348 H.

B. *‘Umdat Al-Qārī*, oleh *Muhammad ibn Ahmad ibn*

*Musa ibn Ahmad Al-‘Aīnī*, seorang ahli hadis dalam

Mazhab Hanafi yang terkenal pada zamannya (760 – 855 H :

1359 – 1451 M.).

2. *Al-Jami’ Al-Ṣaḥīḥ*, oleh Imam al-Muḥadithīn, Abu

al-Ḥusayn Muslim Ibn al-Ḥajāj Ibn Muslim al-Qushayrī,

seorang imam hadis yang menduduki tingkatan

kedua sesudah *Al-Bukhārī* (204-361 H :

820 – 875 M.), dengan mempergunakan kitab-kitab syarahnya :

A. *Manḥāj Al-Muḥadithīn*, oleh Al-Imam Zakariā Muhyi al-Dīn

Ibn Syaraf al-Nawawī, seorang ahli hadis dan fikah

yang terkenal dalam Mazhab Syafie (631 – 676 H :

1233 – 1277 M). Penerbitan Muhammad Tawfīq, Mesir.

B. *Akmal Al-Ma’lam*, oleh al-Imam Muḥammad Ibn

Khalifah al-Ubay al-Malīkī, seorang ahli hadis yang terkenal

dalam Mazhab Maliki (828 H).

Selain daripada itu perlu juga kita pergunakan beberapa kitab fikah dan usulnya yang muktamad dari berbagai-bagai mazhab.

Kesimpulannya yang saya peroleh dari penjelajahan itu ialah :

A. Sebahagian ulama tidak membenarkan dan tidak membolehkan pekerjaan memindahkan darah. Secara mutlak.

Sama sekali tidak boleh.

B. Sebahagian ulama membenarkannya dan membolehkan atas dasar darurat.

C. Sebahagian ulama membolehkannya, walaupun masih ada ubat yang mengimbangnya (yang sama khasiatnya – P).

Marilah kita meninjau soal ini dari hujah akarnya sampai ke hujung pucuknya bagi memperoleh hukum yang kita maksudkan.

Dalam al-Quran al-Karim terdapat perkataan darah (*dam*) pada beberapa tempat. dalam surah *al-Baqarah*, ayat 173, dalam surah *al-Mā'idah* ayat 3, dalam surah *al-An'ām* ayat 145, dalam surah *al-'Araf* ayat 132, dalam surah *Yusuf* ayat 18, dalam surah *al-Nahl* ayat 66 dan 115. Ada pun perkataan "*dima*" jamak kata "*dam*" terdapat dalam surah *al-Haj* ayat 37. Ada pun di dalam hadis, maka sesungguhnya tidak terhitung terdapat perkataan tersebut (*dam*) di dalam berbagai-bagai rangkaian hadis.

Di dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 173, Allah berfirman, maksudnya :

"Hanyasanya Allah mengharamkan atas kamu bangkai dan darah dan daging babi dan yang disembelih dengan menyebut nama yang selain Allah atau disembelih untuk yang selain Allah. Maka barangsiapa terpaksa kepadanya, sedang ia tidak berlaku curang dan tidak melampaui batas, maka tiada dosa atasnya, bahawasanya Allah Maha Pengampun lagi maha kekal rahmat-Nya."

Dalam surah *Al-Nahl*, ayat 115, Tuhan berfirman

pula ayat serupa ini dengan sedikit kurang kalimahnyanya.

Dalam ayat ini Tuhan berfirman, maksudnya :

"Hanyasanya Tuhan mengharamkan atas kamu bangkai dan darah dan daging babi dan yang disembelih untuk selain Allah. Maka barangsiapa terpaksa kepadanya, sedang ia tidak berlaku curang dan tidak melampaui batas maka bahawasanya Allah Maha Pengampun lagi maha kekal rahmat-Nya."

Dalam surah *al-Mā'idah* ayat 3, Tuhan berfirman pula, maksudnya :

"Telah diharamkan atas kamu bangkai dan darah dan daging babi dan yang disembelih untuk yang selain Allah atau dengan menyebut nama yang selain Allah."

Ayat yang telah lalu ini menerangkan dengan tegas bahawa darah itu haram.

Kemudian daripada itu pula ayat-ayat tersebut, mengumumkan segala rupa darah, baik yang terpancar, mahu pun yang beku, seperti limpa dan hati. Akan tetapi, di dalam surah *Al-An'ām*, ayat 145 Tuhan berfirman, maksudnya :

"Katakan olehmu ya Muhammad, tiada aku dapati pada yang telah diwahyukan kepada aku barang yang haram dimakan oleh yang mahu memakannya, selain daripada bangkai atau darah yang *masfuh* (yang terpancar), atau daging babi maka bahawasanya dia itu kotor, atau binatang yang disembelih untuk selain Allah. Maka barang siapa terpaksa kepadanya sedang ia tidak berlaku curang dan tidak melampaui batas, maka bahawasanya Tuhan engkau Maha Pengampun lagi maha kekal rahmat-Nya."

Ayat surah *al-An'ām* ini menakidkan (mengikat – p) ayat-ayat dalam surah *al-Baqarah*, *al-Nahl* dan *al-Mā'idah* (tentang hukum darah, yang merupakan hukum mutlak (ilmu – P.) Iaitu menerangkan sifat darah yang diharamkan. Dengan kita kumpulkan ayat-ayat *al-Baqarah*, *al-Nahl* dan *al-Mā'idah* dengan ayat *al-An'ām* ini, terdapatlah suatu

-sambungan pada muka 32

sambungan dari muka 16

natijah baharu, iaitu: darah yang diharamkan, bukan semuanya darah, hanya yang diharamkan ialah darah *masfūh* (darah yang terpancar). Maka dengan demikian keluarlah dari yang diharamkan, hati dan limpa.

Al-Imam Ibnu al-‘Arabi dalam kitabnya *Ahkām Al-Qur’ān* berkata :  
“Telah muafakat segala ulama’ bahawasanya darah itu haram dan najis, tidak boleh dimakan dan tidak boleh diambil manfaat dengan dia.”

Dalam pada itu alim ulama’ berselisihan faham, adakah : mengecualikan hati dan limpa dengan jalan *takhṣīs* (dikhaskan – P) ataukah tidak dengan jalan *takhṣīs*, tetapi dengan sendirinya keluar, kerana hati dan limpa itu memang tidak masuk ke dalam bilangan darah. Pendapat pertama, ialah pendapat Imam Shāfi’ī, sedang pendapat yang kedua, ialah pendapat Imam Mālik. Juhur ulama (ulama yang terbanyak - P) menetapkan bahawa darah itu haram dan najis. (*Ahkām Al-Qur’ān* 1 : 23-24)

Al-Imam Abu Baqr al-Jaṣṣāṣ berkata dalam “*Ahkām al-Qur’ān*” :

“Jika tidak ada tersebut di dalam al-Quran tentang mengharamkan darah selain dari ayat-ayat *al-Baqarah*, *al-Naḥl* dan *al-Mā’idah*, tentulah yang demikian itu menghendaki haramnya segala jenis darah, baik sedikit ataupun banyak. Akan tetapi oleh kerana Allah berfirman dalam ayat yang lain (yakni ayat surah *al-An’ām*) : “*aw damām masfūhā*” (atau darah yang terpancar) yang demikian sifatnya sahaja, sedang firman Allah dalam surah *al-Baqarah* dan *al-Mā’idah* itu, umum melengkapinya segala rupa darah ; maka wajiblah kita menetapkan keumuman ayat-ayat tersebut, istimewa pula tak ada dalam ayat yang mengkhaskan. Kita menjawab: Jika nyata bahawa ayat-ayat *al-Baqarah* dan *al-Mā’idah*

terkemudian turunnya dari ayat *al-An’ām*, benarlah bahawa kedua-dua jenis darah itu, terpancar dan tidak terpancar, haram.

Kita tak dapat mengetahui mana yang terdahulu dan mana yang terkemudian turunnya dari ayat-ayat tersebut. Maka kita hukumkan kedua-duanya, turun bersama. Yang satu “*muṭlaqun*” (yang mengatakan darah sahaja) dan yang satu lagi “*muqayyadun*” (menerangkan jenis-jenis darah yang diharamkan itu). Menurut “kaedah usul”, apabila terdapat *muṭlaqun* dan *muqayyadun*, maka *muqayyadun* yang kita pegangi.

Ma’mur menerangkan daripada Qatādah ujarnya :

“Diharamkan dari darah, yang terpancar sahaja.

Ada pun daging yang dicampuri oleh darah maka tak ada keberatan kita memakannya.”

Memang tiada perselisihan antara alim ulama tentang bolehnya memakan daging yang masih terdapat suku-suku darah dalam urat-uratnya, kerana dia tidak *masfūhān*. (*Ahkām al-Qur’ān* 1 : 143).

Setengah ulama menetapkan bahawa ayat *al-An’ām* itu *Makīyah* (turun di Mekah – P), sedang ayat *al-Baqarah* dan *al-Mā’idah* : *Madaniyah* (turun di Madinah – P). Kalau demikian, teranglah yang *muṭlaqun* datangnya sesudah datang yang *muqayyadun*. Kerana itu tiadalah dapat difatwakan yang *muṭlaqun* kepada yang *muqayyadun*, dan kerana itu, kedua-duanya diamalkan. Darah terpancar haram, darah yang beku haram juga. Mengenai hati dan limpa maka Imam Mālik tidak menamainya darah, golongan yang memandangnya darah, mengkhaskan umum ayat ini dengan hadis diriwayatkan oleh Aḥmad dan al-Dāraqutnī dari Ibn ‘Umar bahawasanya Nabi bersabda, maksudnya : “Dihalalkan bagi kamu dua bangkai dan dua darah, iaitu ikan dan belalang, hati dan limpa.”

Golongan ulama yang tidak membenarkan dan tidak membolehkan “pemindahan darah” secara mutlak berkata :

A – Dengan tegas Tuhan menerangkan akan haramnya

darah, dan tiap-tiap yang haram itu najis. Ayat *al-Baqarah* dan *al-Ma'idah* itu, masing-masingnya menghendaki “*muqtaḍān*” yakni menghendaki kita *taqdīrūn*-kan (tambahkan) suatu kalimah yang dengan kalimah itu dapat kita fahamkan ayat-ayat tersebut. Sudah nyata, bahawa sesuatu zat, tak dapat diletakkan atasnya hukum haram. Kalau begitu menghendaki kita *taqdīrūn*-kan *muqtaḍān* itu haruslah am, bukan minum atau makan sahaja. Maka *muqtaḍān* yang am itu ialah : mengambil manfaat. Kalau demikian, ayat *al-Baqarah* dan ayat *al-Ma'idah* itu bermakna, bahawasanya Tuhan mengharamkan kita mengambil manfaat dari darah, atau dengan darah.

Mengambil manfaat dari atau dengan darah, melengkap : makan, minum dan mempergunakannya untuk sesuatu yang lain.

Ringkasnya, jika kita turuti aliran faham ini, nyatalah bahawa kita tidak boleh mempergunakan darah, baik untuk dimakan, diminum, mahupun untuk disuntik (*injection – P*) dan selainnya.

B – Kata mereka pula: darah itu najis, kerana itu tak boleh kita menyentuhnya apa lagi menggunakan untuk makan minum dan ubat.

Najisnya darah – menurut golongan ini – difahamkan dari haramnya darah itu.

Mereka memakai kaedah:

“Tiap-tiap yang haram itu najis, dan tiap-tiap yang najis itu haram.”

Berdasarkan kepada kaedah ini pula, mereka menajiskan arak, alkohol dan segala yang memabukkan.

C – Seterusnya mereka berkata lagi :

Diriwayatkan oleh Abu Dāūd melalui Ismā’īl Ibn ‘Iyash dari Abu al-Dardā’ bahawa Nabi (SAW) bersabda, maksudnya:

“Bahawasanya Allah menurunkan penyakit dan penawar, dan menyediakan bagi tiap-tiap penyakit : penawarnya, maka

berubatlah kamu ; dan jangan kamu berubat dengan yang haram.”

Berdasarkan kepada dalil-dalil yang dikemukakan itu, golongan ini tidak membolehkan sekali-kali kita berubat dengan darah secara mutlak.

\*

Golongan yang membolehkan apabila sudah terpaksa, pula berkata :

“Boleh kita berubat dengan darah dengan syarat tak ada ubat lain yang dapat mengimbangnya (yang sama khasiatnya - P) atau menggantinya.”

Golongan ini beralasan :

Pertama : Dengan beberapa firman Allah, maksudnya :

“Maka barangsiapa telah terpaksa kepadanya sedang ia tidak berlaku curang dan tidak melampaui batas, maka tiada dosa atasnya.” (173, *al-Baqarah*), dan dengan firman Allah, maksudnya :

“Tiada Allah menjadikan atas kamu kepicikan dalam agama.” (87, (78) *al-Hajj*), dan dengan firman Allah maksudnya :

“Allah telah menerangkan dengan sejelasa-jelasnya bagi kamu apa yang Allah haramkan atas kamu kecuali yang kamu terpaksa kepadanya.” (119, *al-An'ām*).

Kedua : Dengan kaedah *uṣūliyyāh* yang sudah sangat terkenal dalam kalangan ahli usul dan ahli fiqah, iaitu :

“Darurat-darurat itu, mengharuskan yang haram.”

Ketiga : Di dalam Bukhārī dan Muslim diriwayatkan dari Anas Ibnu Mālik bahawa Nabi membolehkan golongan “Aryanian” berubat dengan kemih unta.

Dengan keterangan-keterangan ini mereka membolehkan kita berubat dengan barang yang haram ketika terpaksa berubat dengan dia. Tidak boleh berubat dengan haram, kalau belum sampai kepada taraf yang terakhir. Dan berdasar kepada alasan-alasan lain, mereka berkata pula : Maka hendaklah dicukupkan sekadar yang dikehendaki sahaja. Kalau

dipulangkan 10cc tidak boleh dilebihkan walaupun 1cc sekalipun: (atau dengan lain misal: Kalau diperlukan dua camca, tidak boleh dilebihkan walau suku camca sekalipun – P).

Ringkasnya golongan ini berpendapat berdasar kepada alasan-alasan yang telah dikemukakan, bahawa apabila seseorang sakit tidak mempunyai ubat lagi selain daripada darah, jika tidak ia berubat dengan darah itu, dia binasa, baharulah dibolehkan. Mereka samakan hukum berubat dengan darah dengan hukum makan bangkai yang juga dibolehkan bila terpaksa, sudah darurat.

Dan yang perlu kita tegaskan, bahawa golongan yang pertama dan golongan yang kedua memandang bahawa memasukkan darah dalam tubuh dengan perantaraan suntikan, masuk dalam pengertian akal sebagai makan, sama dengan pendapat golongan yang mengharamkan suntikan (bercucuk ubat – P) dalam bulan puasa dan membatalkannya. Mereka pandang suntikan itu masuk juga ke dalam pengertian makan (*fi ma'nā al-'aql*).

Golongan yang ketiga pula berkata :

Nas yang *ṣurīkh* hanya menerangkan bahawa “darah” itu haram dimakan. Yang menunjukkan kepada haram dimakan ialah “*siyākūn al-ayāt*” (jalan susunan ayat), kerana itu, kita boleh mengambil manfaat dengan atau dari darah selain daripada makan.

*Al-'Alāmah Ibn Al-Amīr Al-Ṣana'ānī* berkata :

“Asal hukum segala benda ialah : suci, dan mengharamkan sesuatu benda tidak melazimkan najisnya. Benda-benda yang dimakan yang mentakhdirkan (yang menghilangkan perasaan – p.), nyata haram. Demikian pula racun-racun yang membunuh. Akan tetapi tak ada dalil yang menunjuk kepada najisnya. Adapun tiap-tiap benda yang najis, dengan sendirinya haram. Maka tiap-tiap yang

najis : diharamkan, tidak sebaliknya. Sebabnya demikian, ialah : Kerana menghukumkan sesuatu dengan najis, bererti menegah orang memegangnya dalam segala rupa keadaan. Kerana itu menghukumkan sesuatu dengan najis *āimnya* (zatnya) bererti menghukumkan haramnya. Berbeza dengan menghukumkan dengan haramnya, memakai sutera dan emas, diharamkan, menurut pendapat sebahagian ulama'. Dan mereka itu tetap mengatakan bahawa sutera dan emas itu suci. Apabila ini telah dapat diyakinkan, maka mengharamkan arak yang ditunjukkan oleh berbagai-bagai nas, tidak melazimkan najisnya arak itu. Bagi menajiskannya, kita berkehendaki dalil yang lain, dari yang mengharamkannya. Kalau tidak ada dalil yang lain kita tetap berpegang kepada dasar yang sudah disepakati, iaitu : asal hukum segala benda itu, suci. Kepada orang yang membantah pendapat ini, kita pinta dalil.”  
(*Subul al-Salam*, 1 : 42).

Dengan memerhatikan huraian “*Ibnu al-Amīr*” nyatalah tertolak pendapat “*Ibnu Al-'Arabī*” yang mengatakan bahawa seluruh ulama menajiskan darah.

Tentang najisnya darah ini memang ada perselisihan ulama di dalamnya.

Tersebut di dalam “*Kanaz Al-Ḥaqqā'iq fi Fiqh Khayr al-Khalā'iq*” : Dan tiada yang najis dalam pendapat kami melainkan tahi manusia, kemihnya, darah haid, kemih babi, tahinya, tahi binatang, daging babi, lemaknya dan bangkai. (Al-Manār 18 : 306-307).

Dari majalah “Media” (Suara Mahasiswa Islam) Jogjakarta.

-Bersambung.